

04 MAR 1997

DR MAHATHIR Pengerusikan Mesyuarat Majlis Tertinggi UMNO

KUALA LUMPUR, 4 Mac (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad malam ini mempengerusikan mesyuarat Majlis Tertinggi (MT) Umno di ibu pejabat parti di Menara Datuk Onn, Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC).

Antara perkara yang dijangka dibincangkan pada mesyuarat yang bermula 9 malam itu ialah penubuhan sebuah pusat latihan bagi melahirkan anggota parti berwibawa dan menghayati perjuangan parti.

Mesyuarat juga dijangka memutuskan kedudukan bekas anggota exco Pergerakan Pemuda Umno Tajuddin Abdul Rahman yang dilaporkan menyertai semula parti itu melalui permohonan sebagai anggota bekas Parti Melayu Semangat 46.

Pada 27 Feb lepas Jawatankuasa Pengurusan dan Disiplin Umno membuat keputusan untuk menyerahkan kepada MT menentukan kedudukan Tajuddin.

Mesyuarat malam ini juga dijangka membincangkan gejala sosial yang akan dibentangkan oleh Biro Hal Ehwal Islam, Biro Sosial dan Pengaduan Awam Pergerakan Pemuda dan Wanita. --BERNAMA

ARA MAI